

PTPTN

Prosedur ujah menyusahkan peminjam

SAYA berasa terhutang budi kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), namun pada masa sama saya ingin menyuarakan kekecewaan saya berhubung kesukaran berurusan dengan perbadanan itu.

Sebagai contoh, sejak menamatkan pengajian pada 2002, saya menghabiskan banyak duit membuat panggilan telefon dari Kuching ke Kuala Lumpur dan belasan pucuk surat bertanyakan tempat dan cara pembayaran. Semua itu tidak pernah dilayan pihak PTPTN. Namun, pada 2004 saya terima surat dari PTPTN meminta saya menjelaskan tunggakan RM3,000 berserta bayaran bulanan semasa. Saya akur dengan membuat potongan RM500 selama enam bulan berserta bayaran ansuran bulanan.

Awal tahun ini saya menerima kad mengandungi nombor PIN untuk mendaftar diri agar layak menerima tawaran pertukaran (ujrah) dari 3 peratus kepada 1 peratus. Selepas mendaftar saya diminta menunggu e-mel yang membolehkan saya mencetak horang tawaran untuk diisi. Namun e-mel dijanjikan tidak kunjung tiba.

Tidak ada orang yang waras menolak tawaran sememangnya menguntungkan peminjam. Kenapa prosedur pelaksanaan perkara ini begitu sukar? Untuk makluman pada penghujung 2012 saya sepatutnya menjelaskan semua bayaran dan saya tidak mahu potongan berterusan sampai lima atau enam bulan. Sepatutnya ujah ini diberikan kepada mereka yang menjelaskan semua bayaran mereka.

BEKAS PEMINJAM KECEWA,
Kuching.



**KENYATAAN AKHBAR
PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL
(PTPTN)**

PROSEDUR UJRAH MENYUSAHKAN PEMINJAM

Aduan daripada Bekas Peminjam Kecewa, Kuching melalui akhbar Berita Harian pada 16 November 2011 adalah dirujuk.

Untuk makluman, pelbagai kaedah dan usaha telah dilakukan untuk memudahkan peminjam membuat bayaran balik antaranya mempelbagaikan saluran bayaran balik seperti mewujudkan kaedah bayaran balik melalui potongan gaji secara tetap melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan kemudahan pembayaran melalui kaunter atau secara atas talian (*online*) oleh PTPTN dan ejen-ejen yang dilantik seperti Pos Malaysia dan bank (Maybank, Bank Islam, CIMB Bank, RHB Bank, Public Bank, Bank Simpanan Nasional dan Ambank). Maklumat berkaitan kaedah bayaran balik pembiayaan ini juga boleh diperolehi melalui laman web rasmi PTPTN.

Bagi membolehkan pertukaran pembiayaan Ujrah ditawarkan kepada para peminjam, peminjam perlu mengemas kini maklumat peribadi mereka dengan lengkap. Sekiranya layak untuk ditawarkan pertukaran, dokumen tawaran akan dihantar melalui e-mel peminjam. Selain itu, peminjam juga boleh membuat semakan berkaitan status pertukaran Ujrah dan mencetak dokumen tawaran mereka melalui laman web rasmi PTPTN.

PTPTN sentiasa berusaha untuk meringankan bebanan yang ditanggung oleh para peminjam. Dimaklumkan bahawa sekiranya para peminjam membuat penyelesaian penuh hutang PTPTN sebelum 31 Disember 2011, mereka layak menikmati kos pentadbiran 1% kecuali bagi yang telah dikenakan penghakiman mahkamah tanpa

perlu melaksanakan proses pertukaran Ujrah. Pelarasan akaun mereka secara *backdated* mulai 1 Jun 2008 akan dilaksanakan dan PTPTN akan mengembalikan apa-apa lebihan (*refund*) sekiranya ada kepada peminjam.

Maklumat lanjut berkaitan perkara ini boleh diperolehi melalui laman web rasmi PTPTN www.ptptn.gov.my atau menghubungi talian Hotline PTPTN di 03-2080 4455.

Sekian, terima kasih.

Rina binti Abd Rahman
Pegawai Perhubungan Awam PTPTN